

Headline	Pesta Buku Utara UUM Press bermula hari ini		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	02 Mar 2014	Language	Malay
Circulation	459,793	Readership	1,854,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	18	ArticleSize	147 cm ²
AdValue	RM 3,323	PR Value	RM 9,969



Pesta Buku Utara UUM Press bermula hari ini

KUALA LUMPUR 1 Mac. - Kampus Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah bakal menjadi tumpuan penggemar buku mulai esok hingga 8 Mac ini melalui penganjuran Pesta Buku Utara kali keempat oleh UUM Press bersempena sambutan 30 tahun universiti itu.

UUM dalam kenyataannya memberitahu, pesta buku yang bertema 'Buku Mutiara Ilmu' itu menjadi medan pertemuan pengkarya, penerbit dan peminat buku serta menjadi platform terbesar bagi untuk memasarkan buku terbitan mereka di wilayah utara.

"Sebanyak 27 penerbit anggota Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (Mapim) terdiri daripada penerbit institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan badan penyelidikan yang mengungguli genre penerbitan ilmiah mengambil bahagian untuk mempromosikan terbitan mereka.

"Pelajar dan ahli akademik di sekitar utara juga berpeluang membeli



buku penerbit antarabangsa seperti Elsevier, World Scientific dan John Wiley selain buku-buku daripada penerbit tempatan antaranya Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. (UPND), Moy Publications dan Penerbitan Seribu Dinar," katanya.

Menurut kenyataan itu, selain jualan buku, pelbagai aktiviti menarik turut diadakan bagi memeriahkan pesta buku tersebut.

"Pesta kali ini akan diisi dengan satu forum yang bakal mengupas ta-

juk Malaysia Membaca: Komuniti Buku Online serta aktiviti sampingan lain seperti pertandingan bercerita, pertandingan mewarna kanak-kanak prasekolah dan sayembara puisi.

"UUM Press sebagai penganjur tuan rumah juga mempelawa orang ramai dan ahli akademik yang berhasrat menerbitkan buku mereka supaya mendapatkan khidmat nasihat dan perundingan penerbitan sepanjang minggu pesta melalui Kaunter Jom Tulis Buku," ujarnya.